

0541

U B494 BAH

MAHATHIR - CINA

KOTA BAHARU, 31 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR.MOHAMAD HARI INI MEMBERI JAMINAN KEPADA MASYARAKAT CINA DI KELANTAN BAHAWA MASALAH-MASALAH YANG DIHADAPI OLEH MEREKA BERHUBUNG DENGAN SOAL PEMILIKAN TANAH AKAN DIBERI PERTIMBANGAN SEWAJARNYA.

KATANYA, BELIAU AKAN BERBINCANG DENGAN KERAJAAN NEGERI KELANTAN DAN MEMBERI PENGAKUAN BAHAWA MASALAH-MASALAH ITU AKAN DIATASI DEMI KEADILAN KEPADA MEREKA.

TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA YANG MENGADAKAN PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT CINA SEMPENA LAWATANNYA KELMARIN MEMBERI JAMINAN PERKARA ITU AKAN DISELESAIKAN, KATANYA.

PERDANA MENTERI BERUCAP DEMIKIAN PADA MAJLIS PERJUMPAAN DENGAN MASYARAKAT CINA DI DEWAN PERNIAGAAN CINA DI SINI.

DATUK SERI DR MAHATHIR BAGAIMANAPUN TIDAK MENYEBUT SECARA TEPAT ASPEK PEMILIKAN TANAH ITU TETAPI BERKATA BELIAU SEDAR TANAH-TANAH YANG DIMILIKI OLEH ORANG-ORANG CINA DI KELANTAN TIDAK BANYAK JIKA DIBANDINGKAN DENGAN NEGERI-NEGERI LAIN.

DI KELANTAN, LEBIH 99 PERATUS KAWASAN TANAH DITAKRIFKAN SEBAGAI ZANAH RIZAB MELAYU YANG HANYA BOLEH DIMILIKI OLEH ORANG MELAYU KELANTAN DAN SEDIKIT SANGAT TANAH PEGANGAN BEBAS YANG BOLEH DIBELI ATAU DIMILIKI OLEH BANGSA ASING. -- LAGI.

1647MST 31 07 85

0546

U B496 BAH

MAHATHIR - CINA 2 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR BERHAPAP PADA SATU MASA NANTI ORANG-ORANG DARI LUAR KELANTAN BERPELUANG MEMBELI DAN MEMILIKI TANAH DI KELANTAN.

BELIAU YANG JUGA Pengerusi Barisan Nasional secara berjenaka berkata +pada masa ini orang Kedah tidak boleh membeli tanah di sini tetapi saya yakin suatu hari nanti orang-orang Kedah seperti saya dapat membelinya+.

BELIAU BERKATA BARISAN NASIONAL TETAP AKAN MENGKOTAKAN APA YANG DIKATA KERANA PARTI ITU TIDAK PERNAH MEMBUAT JANJI-JANJI KOSONG SEMATA-MATA UNTUK MEMENANGI PILIHAN RAYA.

BN TIDAK SEPerti PAS YANG HANYA MEMANCING UNDI KAUM CINA DAN INDIA DENGAN JANJI-JANJI YANG BERBEZA-BEZA.

PAS MEMBUAT BERBAGAI-BAGAI JANJI KEPADA ORANG-ORANG CINA DAN INDIA SERTA ORANG MELAYU SENDIRI DAN BERCAKAP BERPUSING-PUSING TIDAK TENTU HALA SEMATA-MATA HENDAK MEMANCING UNDI BAGI KEMENANGAN PADA PILIHAN RAYA.

TINDAK-TANDUK MEREKA, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR LEBIH BERTUJUAN HENDAK MEMISAHKAN DAN MEMECAH-BELAH PERPADUAN ORANG-ORANG MELAYU DENGAN RAKYAT Keturunan Cina dan India. -- LAGI.

1657MST 31 07 86

U 8503 BAH

MAHATHIR - CINA 3 KOTA BAHARU

BELIAU BERHARAP MASYARAKAT CINA DAN INDIA TIDAK MUDAH TERPEDAYA DENGAN JANJI-JANJI KOSONG YANG DIBUAT OLEH PAS KERANA JIKA PAS DAPAT MENUBUHKAN KERAJAAN BAIK PADA PERINGKAT PUSAT MAHUPUN NEGERI, KEMUNGKINAN TIDAK WUJUD KEAMANAN DI NEGARA INI.

PERDANA MENTERI BERKATA SOAL KEAMANAN PENTING DAN PERLU DIBERI PERHATIAN OLEH SEMUA PIHAK KERANA TANPA KEAMANAN, PENTADBIRAN DAN URUSAN NEGARA TIDAK DAPAT BERJALAN LANCAR DAN SEGALA BENTUK KEGIATAN TERMASUK PRNIAGAAN TIDAK DAPAT BERGERAK.

BELIAU MENOLAK DAKWAAN KONONNYA KERAJAAN YANG ADA TIDAK ADIL KERANA HANYA MEMBERI KEISTIMEWAAN KEPADA BUMIPUTERA DENGAN MENGENEPIKAN BANGSA-BANGSA LAIN.

KATANYA, PADA BELIAU JIKA SEMUA ORANG BERKATA KERAJAAN BN TIDAK ADIL, MAKA INI MENUNJUKKAN BAHAWA KERAJAAN BN KERAJAAN YANG ADIL KERANA IA TIDAK DAPAT MEMUASKAN HATI SEMUA PIHAK.

BELIAU MEMINTA MASYARAKAT CINA MEMBERI SOKONGAN KEPADA BARISAN NASIONAL PADA PILIHAN RAYA UMUM INI DAN BERJANJI BAHAWA KERAJAAN YANG BAKAL DIWUJUDKAN AKAN BERLAKU ADIL KEPADA SEMUA. -- LAGI.

1713MST 31 07 86

U 8504 BAH

MAHATHIR - CINA 4 KOTA BAHARU

DATUK SERI DR MAHATHIR MEMINTA MASYARAKAT CINA MEMBERI KEPERCAYAAN SEPENUHNYA KEPADA BN UNTUK MENERUSKAN PEMERINTAHAN DI NEGERI INI DAN NEGARA AMNYA SERTA BERJANJI AKAN MENUNAIKAN JANJI-JANJI KEPADA RAKYAT.

MENTERI BESAR DATUK HAJI MOHAMED YAACOB KEMUDIAN MENGUMUMKAN BAHAWA BEBERAPA PERMOHONAN BERHUBUNG DENGAN PERTUKARAN SYARAT TANAH DARIPADA MASYARAKAT CINA DIBERI PERTIMBANGAN DAN KELULUSAN OLEH KERAJAAN NEGERI.

KATANYA, PERMOHONAN SEORANG PENGUSAHA SEKOLAH SWASTA DI KOK LANAS UNTUK MENUKARKAN SYARAT SEKEPING TANAH PERTANIAN KEPADA TANAH PEMBANGUNAN BAGI TUJUAN MEMBINA BANGUNAN SEKOLAH AKAN DIPERTIMBANGKAN.

SEKEPING TANAH YANG DIMILIKI OLEH DEWAN PERNIAGAAN CINA KELANTAN DI SINI DIBERI KELULUSAN SEBAGAI TANAH MILIK KEKAL MANAKALA SEKEPING LAGI TANAH BERSEMPADAN DENGAN SEKOLAH RENDAH CHUNG CHENG YANG DIJUAL OLEH PEMILIK MELAYU JUGA DIBERI KELULUSAN OLEH KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA.

1715MST 31 07 86